

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	14 APRIL 2017

# Kebajikan tentera terus dipertingkatkan

BH- 14/4/2017

➔ Pangkalan Udara Sendayan antara inisiatif kerajaan pastikan keluarga anggota hidup lebih baik, selesai: PM

**Oleh Ziauddin Sharuddin, Rohaniza Idris, Ifwan Tun Tuah dan Siti Zulaikha Zubir Ahmad**

bhnews@bh.com.my

▸ Kuala Lumpur

**K**erajaan tidak pernah leka mahupun berpaling daripada menunaikan tanggungjawab menjaga aset ketenteraan dan kebajikan pasukan itu serta keluarga mereka meskipun berdepan pelbagai tohmahan dan kecaman, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, Pangkalan Udara (PU) Sendayan di Negeri Sembilan yang kini hampir 80 peratus siap adalah inisiatif kerajaan dalam meningkatkan aspek keselamatan dan kebajikan anggota tentera dan keluarga mereka.

“Saya sempat melawat sebuah rumah contoh apartmen kelas F yang disediakan bagi pegawai mu-

da, selesai dan luas bagi mereka yang bujang atau baru memulakan keluarga.

“PU Sendayan adalah satu daripada lapan PU yang dibangunkan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) bagi penempatan semula aset dari PU Kuala Lumpur di Sungai Besi,” kata Najib susulan lawatannya ke PU Sendayan, semalam.

Yang turut serta, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein; Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan; Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin dan Panglima Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Jeneral Datuk Seri Affendi Buang.

## **Jalani kehidupan lebih baik**

Menerusi blog najibrazak.com, Perdana Menteri berkata, dengan keluasan 303.5 hektar, PU Sendayan yang turut dilengkapi Markas Pemerintahan Pendidikan Latihan Udara, bakal menjadi pusat latihan

tentera udara terbesar TUDM.

“Pangkalan ini boleh menempatkan anggota TUDM dan ahli keluarga seramai 1,900 orang. Saya turut dimaklumkan, 61 peratus daripada kontraktor yang bertanggungjawab melengkapkan pakej pembinaan di sini terdiri daripada Bumiputera.

“PU Sendayan dijangka siap sepenuhnya menjelang akhir tahun ini. Saya yakin, bila siap sepenuhnya dan anggota TUDM berpindah masuk ke rumah baharu bersama ahli keluarga, mereka akan dapat menjalani kehidupan lebih baik dan selesai di sini, insya-Allah,” katanya.

Sementara itu, Hishammuddin pada sidang medianya, berkata lawatan Perdana Menteri ke PU Sendayan dapat menjawab pelbagai serangan tidak berasas terhadap Najib selepas kerajaan membuat keputusan memindahkan PU Kuala Lumpur di Sungai Besi.

“Apabila beliau melihat sendiri apa yang dilakukan (di PU Sen-

dayan), memang berbaloi kesabarannya berdepan kritikan yang kita tahu akhirnya kita boleh jawab. Perdana Menteri secara peribadi amat berpuas hati dengan projek PU Sendayan,” katanya.

Beliau berkata, penempatan semula PU Kuala Lumpur ke sini perlu kerana keperluan semasa, termasuk bagi melancarkan pengurusan, operasi dan memberi kehidupan lebih berkualiti kepada warga TUDM.

Mengenai pelantikannya sebagai Menteri Dengan Tugas-Tugas Khas, Hishammuddin berkata, beliau akan memikul amanah baharu itu untuk membantu Perdana Menteri tanpa menjejaskan pertimbangan lain yang cuba melaga-lagakan kepemimpinan sekarang.

“Saya lihat dalam media sosial semalam (kelmarin), Alhamdulillah pelantikan ini diterima baik kerana perkara ini dibincang lebih awal dengan kepemimpinan tertinggi. Sekarang kita pandang ke hadapan,” katanya.